



**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

Aras 1, Blok C, Jalan M.U 10, Medan Universiti,
02600 Pauh Putra, Perlis
Tel : 04-9871300 Faks : 04-9871302

“MEMORANDUM”

UniMAP DIKTIRAF MS ISO 9001 : 2015

TARIKH : 30 OGOS 2018
DARIPADA : UNIT PEMBIAYAAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR
KEPADA : SEMUA PELAJAR UniMAP

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

HEBAHAN PERMOHONAN TAWARAN KERJA SAMBILAN KEPADA PELAJAR UniMAP DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DARIPADA TABUNG DEDIKASI DIRI PELAJAR UniMAP

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni kini membuka peluang kepada semua pelajar Diploma dan Ijazah Pertama yang berminat untuk menyertai program Kerja Sambilan melalui peruntukan Tabung Dedikasi Diri Pelajar UniMAP yang telah diluluskan pada Januari 2017. Mana – mana pelajar yang berhasrat untuk menyertai program ini boleh mendapatkan perakuan serta sokongan daripada di mana – mana PTJ yang mempunyai keperluan pekerja sambilan di kalangan pelajar.

3. Pelajar – pelajar yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan mengisi **Borang Tabung Dedikasi Pelajar Bil. 1A/2017** yang disertakan. Permohonan adalah dibuka mulai **1 September 2018 sehingga 30 September 2018**. Tempoh kerja yang ditawarkan bagi permohonan ini adalah dari bulan September 2018 sehingga Disember 2018. Semua permohonan akan diproses dan dipilih melalui satu Jawatankuasa yang dilantik dan semua keputusan adalah muktamad. Sila rujuk garis panduan yang disertakan bagi tujuan permohonan berkaitan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan terus ke Unit Pinjaman &Kebajikan dengan menghubungi **Pn. Noora Binti Md. Yusoff di talian 04-9871308, Pn. Emilia bt Said atau Pn. Nur Atiqah Bt Abdul Ghani di talian 04-9871310/1311.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(NOORA BINTI MD. YUSOFF)
Pegawai Tadbir
Unit Pinjaman & Kebajikan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

GARIS PADUAN PELAKSANAAN POLISI PENAWARAN KERJA SAMBILAN KEPADA PELAJAR UniMAP MENGGUNAKAN PERUNTUKAN TABUNG DEDIKASI DIRI.

1.0 TATACARA PERMOHONAN

- i. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Borang **Tabung Potensi Diri Bil 1A/2017** yang boleh di dapati di Portal pelajar ataupun melalui laman sesawang HEPA mengikut tempoh masa permohonan yang ditetapkan;
- ii. Borang yang dihantar perlu dikemukakan dengan lengkap mengikut senarai semak yang ditetapkan;
- iii. Setiap permohonan perlu dikemukakan melalui semakan serta perakuan daripada Ketua PtJ yang berminat menyertai program ini serta bercadang mengambil pekerja sambilan ini dikalangan pelajar;
- IV. Permohonan yang lengkap akan dibawa ke Jawatankuasa Pemilihan bagi tujuan pemilihan.

2.0 SYARAT-SYARAT PEMILIHAN PELAJAR BAGI MENGIKUTI PROGRAM TABUNG POTENSI DIRI.

- i. Pemohon hendaklah merupakan warganegara Malaysia serta pelajar UniMAP yang berstatus Aktif serta sedang mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah secara sepenuh masa;
- ii. Keutamaan kepada pelajar yang memperolehi keputusan peperiksaan sekurang-kurangnya 2 kali dengan CGPA semasa mestilah 3.0 dan ke atas semasa memohon;
- iii. Pelajar yang berdepan dengan masalah ditahan pembayaran PTPTN atas sebab prestasi akademik juga digalakkan memohon;
- iv. Bersetuju dengan terma dan syarat tawaran kerja yang akan dikeluarkan; dan
- v. Pendapatan kasar seisi rumah adalah tidak melebihi RM2,000 sebulan serta pendapatan kapita bulanan tidak melebihi RM400.00 bagi kawasan Bandar dan RM300.00 bagi kawasan luar Bandar.

3.0 TERMA DAN SYARAT PENERIMAAN TAWARAN KERJA DAN BAYARAN IMBUHAN

Pelajar yang bersetuju untuk menerima tawaran kerja sambilan ini terikat dengan terma dan syarat seperti di bawah;

- 3.1 Bekerja sekurang-kurangnya bagi tempoh 15 jam seminggu di PtJ yang diarahkan;
- 3.2 Adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa yang dipanjangkan oleh UniMAP kepada mereka atau arahan pentadbiran lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan;
- 3.3 Pihak HEPA boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) hari kepada pelajar. Pelajar juga boleh berhenti daripada perkhidmatan dengan mengemukakan notis bertulis mengikut tempoh yang sama;
- 3.4 Walau bagaimanapun, HEPA pada bila-bila masa boleh menamatkan perkhidmatan pelajar dengan notis serta-merta sekiranya menerima kes seperti di bawah:
 - (a) Didapati mengakses maklumat terperingkat tanpa kebenaran dan disyaki membocorkan rahsia mengenai maklumat rasmi;
 - (b) Kerap tidak hadir bertugas tanpa kebenaran atau tidak memaklumkan Ketua Jabatan terlebih dahulu;
 - (c) Gagal mematuhi syarat dalam surat tawaran atau peraturan yang ditetapkan;
 - (d) Terlibat dengan salah laku lain yang boleh menjejaskan imej jabatan dan Universiti;
- 3.5 Surat tawaran kerja sambilan akan dikeluarkan oleh HEPA selepas dipersetujui oleh jawatankuasa yang melantik; dan
- 3.6 Maksimum bayaran imbuhan adalah sebanyak RM300.00 sebulan sahaja bagi tempoh maksimum 6 bulan, formula seperti di bawah:


Formula pengiraan upah adalah seperti berikut:

$$\text{RM 5.00 X 15 jam seminggu x 4 minggu} = \text{RM300.00 sebulan}$$

4.0 KAEDAH BAYARAN IMBUHAN/UPAH

- 4.1 Semua pembayaran akan diproses oleh Unit Kebajikan HEPA selepas menerima permohonan bayaran daripada PtJ yang terlibat dengan mengisi beberapa borang pengesahan bayaran yang akan di sediakan.
- 4.2 Semua bayaran akan dikreditkan terus ke akaun Bank Muamalat pelajar yang berkenaan.

5.0 TARIKH PERMOHONAN

- I. 1 September 2018 hingga 30 September 2018.
- 



Unit Pinjaman & Kebajikan Pelajar
 Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
 Aras 1, Blok C, Jalan M.U 10, Medan Universiti
 02600 Pauh Putra, Perlis
 No. Tel : 04-9871308/1310/1311
 No. Faks : 04-9871302
 Email : noonayusoff@unimap.edu.my ;
atiqahghani@unimap.edu.my ;
emilia@unimap.edu.my

BORANG PERMOHONAN TABUNG POTENSI DIRI

Nama Pelajar		
No. Matrik		
BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN
1	Salinan Kad Matrik Pelajar	1 set
2	Salinan Kad Pengenalan Pelajar	1 set
3	Salinan Slip Gaji / Borang Pengesahan Pendapatan Ibu Bapa/ Penjaga <ul style="list-style-type: none"> • IBU BAPA/ PENJAGA BEKERJA DAN MEMPUNYAI SLIP GAJI – * Salinan Slip Gaji (3 bulan yang terkini dari tarikh permohonan – satu bulan sahaja) • IBU/ BAPA/ PENJAGA BEKERJA DAN TIDAK MEMPUNYAI SLIP GAJI – * Surat pengesahan gaji dari majikan/ Surat Pengesahan Pendapatan • IBU/ BAPA/ PENJAGA BERPENCEN – * Salinan Kad Pesara dan Salinan Penyata Pencen • IBU/ BAPA/ PENJAGA TIDAK BEKERJA - * Surat Pengesahan Tidak Bekerja/ Surat Pengesahan Pendapatan • KRITERIA/ KELAYAKAN PEGAWAI – PENGESAHAN PENDAPATAN - * Majikan/ Ketua Kampung/ Penggawa/ Ketua Masyarakat/ Sidang/ Pegawai Pembangun Mukim/ Pengerusi JKKK • SABAH/ SARAWAK - * Majikan/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Kapitan/ Pemanca/ Pegawai Taman <p>!!! Peringatan : Ketua Akademik/ Pensyarah/ RPS/ Pegawai Akademik tidak dibenarkan untuk membuat pengesahan pendapatan</p>	1 set
4	Jika bercerai/mati / OKU/, sila sertakan dokumen berikut : <ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Kematian/Permit Kubur/Permit bakar ; 2. Sijil Orang Kurang Upaya (OKU); 3. Sijil Bercerai. 	1 set
5	MAKLUMAT AHLI KELUARGA Ahli Keluarga yang masih menjadi tanggungan perlu dilampirkan salinan kad pengenalan/ sijil lahir (bagi yang tidak mempunyai kad pengenalan) – <ol style="list-style-type: none"> 1. Ibu; 2. Adik beradik (bagi yang telah berkahwin dan berumur 21tahun ke atas tidak bekerja tidak dikira sebagai tanggungan) 3. Datuk/ Nenek (sekiranya tinggal bersama dikira sebagai tanggungan) 	1 set
6	Surat Tawaran Penaja (Sila Cetak Di Online Student Information)	1 set
7	Salinan Keputusan Peperiksaan bagi 2 semester yang terkini	1 set
8	Salinan Slip Akaun Bank Mualamat Yang Tertera No Akaun	1 set

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN TABUNG POTENSI DIRI

- i. Pemohon hendaklah merupakan warganegara Malaysia serta pelajar UniMAP yang berstatus Aktif serta sedang mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah secara sepenuh masa;
- ii. Keutamaan kepada pelajar yang memperolehi keputusan peperiksaan sekurang-kurangnya 2 kali dengan CGPA semasa mestilah 3.0 dan ke atas semasa memohon;
- iii. Pelajar yang berdepan dengan masalah ditahan pembayaran PTPTN atas sebab prestasi akademik juga digalakkan memohon;
- iv. Bersetuju dengan terma dan syarat tawaran kerja yang akan dikeluarkan; dan
- v. Pendapatan kasar seisi rumah adalah tidak melebihi RM2,000 sebulan serta pendapatan kapita bulanan tidak melebihi RM400.00 bagi kawasan Bandar dan RM300.00 bagi kawasan Luar Bandar

MAKLUMAT PERMOHONAN

A)MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON

Nama	
No.Kad Pengenalan/ No.Passport	
No.Matrik	
Alamat Tetap	
Alamat Surat Menyurat	
No.Telefon Bimbit	
Email	
No Akaun Bank Muamalat	

B) MAKLUMAT PENGAJIAN

Pusat Pengajian	
Program Pengajian	
Bil.Semester	Semester Terkini
Status Pengajian	
Nama Penaja/Biasiswa	Kadar RM (Semester)

C) BUTIR-BUTIR KELUARGA

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga	
No Telefon Bimbit	
Pekerjaan	
Alamat Majikan	
Pendapatan Bulanan (RM)	
Nama Pasangan Ibu / Bapa / Penjaga	
No Telefon Bimbit	
Pekerjaan	
Alamat Majikan Bapa/Ibu/Penjaga	
Pendapatan Bulanan (RM)	
Status Anak Yatim	

D)SENARAI TANGGUNGAN KELUARGA

BIL	NAMA	HUBUNGAN	NAMA SEKOLAH/ UA/ KOLEJ/ IPTS/ LAIN-LAIN
1			
2			
3			
4			
5			
6			

E)MAKLUMAT PEMILIHAN LOKASI BEKERJA :

Sila buat Pemilihan PtJ yang menawarkan kerja sambilan(sila tanda X)

Perpustakaan

Kolej Kediaman

Lain – Lain, Sila Nyatakan.....

F) JUSTIFIKASI PEMOHON

G) PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa semua maklumat diatas adalah benar dan faham bahawa tindakan boleh diambil terhadap saya termasuk menarik balik bantuan dan mengenakan apa jua tindakan tatatertib terhadap saya sekiranya didapati maklumat yang saya berikan palsu dan tidak tepat.

Tandatangan Pelajar :

Nama Pelajar :

Tarikh :

H) SOKONGAN DEKAN PUSAT PENGAJIAN/ TIMBALAN DEKAN (PEMBANGUNAN PELAJAR & ALUMNI)

Adalah disahkan bahawa segala maklumat yang diberikan diatas adalah benar.

Tandatangan :

Nama & Cop Jabatan :

Tarikh :

Catatan (Sekiranya ada) :

I) SOKONGAN KETUA PTJ YANG DI POHON

Tandatangan :

Nama & Cop Jabatan :

Tarikh :

Catatan (Sekiranya ada)

Setelah permohonan diteliti, Ahli Jawatankuasa Jawatankuasa Pemilihan Tabung Potensi Diri memutuskan permohonan ini diperakui/ tidak diperakui oleh Timbalan Naib Canselor HEPA

Lokasi Penempatan pekerjaan :

Tarikh Mula :

Ulasan (sekiranya permohonan tidak diperakui) :

Tandatangan Dekan (HEPA) :

Tarikh :

Rujukan Mesyuarat :